

18/10/2003

Media Barat `kurang ajar'

PUTRAJAYA: Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyifatkan pemimpin dan media Barat yang memutarbelitkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai `kurang ajar'.

Beliau berkata, tuduhan kononnya kandungan ucapan itu sebagai anti-Yahudi dan menyamakan Dr Mahathir dengan Osama bin Laden, menunjukkan mereka tidak sanggup menerima kritikan walaupun ia adalah kebenaran.

"Ini satu perkara yang kurang ajar... mereka suka kritik kita... kata kita tetapi bila kita kritik dan analisis dengan secara jelas, mereka tidak dapat menerimanya.

"Tidak mengapa untuk mereka padankan kita dengan bangsa lain atau dengan orang tertentu, tetapi bila kita cuba padankan mereka dan tindakan mereka dengan kumpulan atau orang tertentu mereka marah," katanya kepada pemberita selepas perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin negara OIC semalam.

Pemimpin serta media Barat kelmarin mengkritik hebat ucapan Perdana Menteri yang disifatkan sebagai anti Yahudi dan kononnya akan menggalakkan serangan terhadap kaum itu.

Malah, Menteri Luar Itali, Franco Frattini, berkata negaranya yang kini menduduki kerusi Presiden Kesatuan Eropah (EU) mencadangkan supaya kecaman itu dimasukkan dalam hasil Sidang Kemuncak EU yang sedang berlangsung.

Dr Mahathir dalam ucapan perasmian selaku Pengerusi baru OIC kelmarin menggesa negara Islam supaya bertindak menggunakan fikiran, bukan secara kekerasan dalam usaha menebus kembali maruah ummah dan agama.

Ucapan Perdana Menteri yang turut mengkritik sikap pemimpin negara Islam serta menyatakan kebenaran itu, diterima baik pemimpin OIC lain.

Malah, pemimpin jemputan ke sidang kemuncak itu, Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal, yang mengikuti ucapan Dr Mahathir menyatakan penghargaan kepada beliau kerana memberi penghormatan menghadiri persidangan terbesar negara Islam.

Syed Hamid yang turut menjadi mangsa putar belit media Barat kononnya beliau meminta maaf terhadap ucapan itu, berharap pemimpin serta media Barat terbabit melihat ucapan Dr Mahathir secara objektif serta melakukan analisis dengan seimbang dan sempurna.

Sambil menegaskan umat Islam selama ini adalah mangsa penghinaan Barat, terutama selepas peristiwa 11 September, beliau berkata, Dr Mahathir sebagai pemimpin Malaysia tidak pandai bersifat hipokrit atau berselindung dengan kata-kata manis, sebaliknya menyatakan sesuatu secara benar dan berterus terang.

"Saya harap EU, Amerika Syarikat atau Australia usah putar belitkan ucapan yang berniat baik dan diterima baik pemimpin lain. Kadangkala kebenaran itu pahit tetapi kita kena menerima hakikat bahawa orang Yahudi juga boleh kita kritik sebagaimana mereka mengkritik kita.

"Selama ini yang menjadi mangsa ialah orang Islam yang ditangkap tanpa bicara, dinafikan hak asasi, dicurigai sebagai pengganas dan Rasulnya dicaci serta dicemuh," katanya sambil menambah media Barat sememangnya tidak pernah `sayang kepada kita'.